

MAH sasar 100 hotel hijau

Kuala Lumpur: Persatuan Hotel Malaysia (MAH) menyasarkan untuk mengiktiraf 100 hotel hijau secara sah dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang sebagai usaha untuk mengekalkan daya saing industri hotel bagi tempoh jangka panjang.

Presidennya, Cheah Swee Hee dalam kenyataan berkata, trend kemunculan hotel hijau dilihat semakin meningkat di mana kira-kira 14 hotel hijau sudah disahkan seluruh negara pada November lalu.

“Bagaimanapun, masih ada halangan untuk meng-hijaukan industri ini termasuk kekurangan kesedaran mengenai tempoh aliran keluar pelaburan dan bayaran balik. Kami berharap dapat melihat lebih banyak hotel melaksanakan perkara ini ketika dunia sentiasa mencari cara mampan untuk melindungi bumi,” katanya pada Seminar Hotel Hijau Nippon Paint 2015 di sini, semalam.

Acara kali ketiga itu menyaksikan penyedia penyelesaian salutan keseluruhan, Nippon Paint Malaysia Group bersama MAH dan Persekutuan Bangunan Hijau Malaysia (MGBC) bertujuan mendidik dan mengalakkan pemilik hotel serta pelbagai pihak berkepentingan dari se-



CHEAH

luruh negara.

Seminar itu memberi fokus kepada kajian kes dan ceramah mengenai standard pengawal seliaan berkaitan ciri lestari di mana ia turut dihadiri Presiden MGBC, Ar Sarly Adre Sarkum dan Pengerusi Bersama Panel Penasihat Indeks Bangunan Hijau (GBIAP), Chen Thiam Leong.

Sementara itu, Thiam Leong berkata, kebanyakan hotel atau resort mengamalkan sebahagian daripada amalan hijau tanpa disedari termasuk kawalan tenaga cekap dari aspek pencahayaan, penuaian air hujan, sisa kitar semula dan kewujudan kehijauan alam.

Premis seperti ini akan layak untuk mendapatkan pensijilan hijau melalui beberapa ciri hijau tambahan.